

1.0 DASAR AGROMAKANAN NEGARA (DAN) 2011-2020

Dasar Agromakanan Negara yang telah dilancarkan oleh YAB. Perdana Menteri pada 14 Januari 2012 bersempena Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2011 di Parit Buntar, Perak merupakan dokumen utama yang menjadi rujukan dalam penyediaan *hand book* ini. Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011 – 2020 memberi tumpuan menyeluruh dalam meningkatkan kecekapan industry agro-makanan di sepanjang rantai nilai supaya industry ini menjadi produktif berdaya saing dengan member penekanan terhadap aspek pengetahuan. Sehubungan itu, pendekatan baru yang merangkumi lapan (8) idea utama telah dikenalpasti untuk menyokong proses transformasi industry agromakanan iaitu :

- i. Jaminan bekalan makanan – ketersediaan, keselamatan dan mampu beli
- ii. Pembangunan pertanian bernilai tinggi
- iii. Perancangan dan pembangunan pertanian mampan
- iv. Kluster pertanian dinamik, memaksimumkan penjanaan pendapatan di kalangan usahawan tani
- v. Pelaburan swasta pemangkin transformasi pertanian moden
- vi. Modal insan pertanian bestari dan berinformasi
- vii. Pemodelan pertanian berpacuan penyelidikan (R&D) dan inovasi ; dan
- viii. Keunggulan khidmat sokongan pertanian